

Headline	Sasar 30,000 unit rumah		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	02 Dec 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	31	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	307 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,508
Frequency	Daily	PR Value	RM 19,525



Sasar 30,000 unit rumah

Di bawah program Rumah Selangorku bagi tempoh lima tahun bermula tahun ini

MUHAMMAD AMINNURALIFF
MOHD ZOKI

PUCHONG

Kerajaan Selangor menyasarkan sebanyak 30,000 unit rumah mampu milik (RMM) di bawah program Rumah Selangorku bagi tempoh lima tahun bermula tahun ini sehingga 2023.

Exco Perumahan dan Kehidupan Bandar Selangor, Haniza Mohamed Talha berkata, sehingga 15 November 2019, sebanyak 277 projek pembangunan RMM dilaksanakan melibatkan 121,695 unit kediaman telah diluluskan Majlis Mesyuarat Kerajaan Ne-



Haniza (dua dari kiri) ketika hadir pada Majlis Penyerahan Kunci Rumah Selangorku dan penyerahan Surat Tawaran kepada penyewa Skim Smart Sewa di Pangaspuri Seri Utama di Puchong semalam.

geri.

“Daripada jumlah tersebut, sebanyak 14,781 unit telah siap dibina dan diserahkan kunci, manakala 22,274 unit kini dalam pembinaan akan boleh diduduki secara berperingkat bermula pada akhir tahun ini sehingga 2022,” katanya pada Majlis Penyerahan Kunci Rumah Selangorku dan penyerahan Surat Tawaran kepada penyewa Skim

Smart Sewa di Pangaspuri Seri Utama di Taman Puchong Utama di sini semalam.

Mengulas lanjut katanya, kerajaan negeri juga merangka beberapa dasar bertujuan memperbaikkan penyediaan RMM yang lebih berkualiti, selesa dan dilengkapi kemudahan mencukupi serta dijual pada harga mampu milik antara RM42,000 sehingga RM250,000 seunit.

Katanya, Dasar Perumahan Mampu Milik Negeri Selangor kini dikenali sebagai Dasar Rumah Selangorku 2.0 bermula April 2018 turut menumpukan penambahbaikan dari aspek pemilikan, perancangan dan pelaksanaannya supaya memberi manfaat kepada pemaju, pelaksana dasar dan pemilik rumah.

“Sehingga 31 Oktober 2019, sebanyak 196,061 permohonan Rumah Selangorku berdaftar dengan LPHS (Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor).

“Ini salah satu pengukur dalam memenuhi keperluan penyediaan Rumah Mampu Milik terutamanya di kawasan perbandaran yang mempunyai permintaan tinggi,” katanya.

Dalam pada itu, Pangaspuri Seri Utama, Taman Puchong Utama dipilih sebagai pembangunan Rumah Selangorku pertama di negara ini yang dilengkapi dengan panel solar dan mendapat Pensijilan Indeks Bangunan Hijau (GBI).